

**SJK ( C ) PEI HWA JB**  
**BAHASA MELAYU ( PEMAHAMAN ) TAHUN 5**  
**PENILAIAN 1 ( MAC 2018 )**

**Nama** : \_\_\_\_\_ ( )      **Markah** : \_\_\_\_\_ %  
**Kelas** : 5 ( )      **Tarikh** : \_\_\_\_\_ /3/2018  
**T/tangan Ibu Bapa:** \_\_\_\_\_

**MASA : 1 JAM 15 MINIT**

Arahan : Kertas soalan ini mengandungi **DUA** bahagian iaitu **Bahagian A** dan **Bahagian B**. kamu dikehendaki menjawab semua soalan dalam kedua-dua bahagian. Tiap-tiap soalan dalam **Bahagian A** mengandungi empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Kamu dikehendaki memilih satu jawapan sahaja. Kemudian tandakan jawapan anda dengan menghitamkan ruangan pada kertas jawapan. Bagi soalan **Bahagian B**, jawab dalam kertas soalan.


**Bahagian A (Soalan 1 – 16)**

*Pilih jawapan yang paling sesuai.*

1. \_\_\_\_\_ disayangi rakyat jelata kerana memerintah dengan adil dan saksama.  
A. Beta  
B. Patik  
C. Tuanku  
D. Baginda
  
2. Para penduduk perlu berpindah \_\_\_\_\_ setelah amaran banjir dikeluarkan.  
A. suntuk  
B. segera  
C. lampau  
D. sementara
  
3. Kita mestilah menjaga \_\_\_\_\_ semasa berdepan dengan orang yang lebih tua.  
A. pancaindera  
B. tatabahasa  
C. jelitawan  
D. tatasusila

4. \_\_\_\_\_ Inspektor Kamal Hashim sedang menyampaikan ceramah tentang keselamatan.
- A. Haji
  - B. Tuan
  - C. Encik
  - D. Profesor

**Soalan 5. Berdasarkan gambar di bawah.**



5. Abang Maryam bercadang untuk membeli sebuah kereta \_\_\_\_\_ .
- A. Honda City
  - B. Toyota Vios
  - C. Proton Exora
  - D. Perodua Kancil
6. Cikgu Ismail berasa gembira kerana murid-murid \_\_\_\_\_ untuk membersihkan kelas.
- A. bekerjasama
  - B. isyarat senyap
  - C. menunjuk arah
  - D. tanggungjawab
7. Aliya \_\_\_\_\_ hendak ke sekolah kerana dia terlewat bangun.
- A. suka-suka
  - B. teresak-esak
  - C. tergesa-gesa
  - D. tengah-tengah

Soalan 8. Berdasarkan gambar di bawah.



8. Kelvin gembira kerana mendapat tempat \_\_\_\_\_ dalam pertandingan syarahan.
- A. satu
  - B. separuh
  - C. pertama
  - D. beberapa
9. Petani tua itu ber \_\_\_\_\_ menanam sayur di kebunnya.
- A. ikat perut
  - B. buah mulut
  - C. mandi peluh
  - D. ringan tulang
10. Walaupun soalan itu mudah, masih ramai murid yang tidak dapat menjawabnya. Pilih **perkataan antonim** bagi mudah.
- A. sikit
  - B. sukar
  - C. banyak
  - D. senang
11. Hari Keluarga diadakan bertujuan untuk mengeratkan hubungan kekeluargaan. Pilih **perkataan sinonim** bagi mengeratkan.
- A. merapatkan
  - B. melekatkan
  - C. memasukkan
  - D. menggembirakan

12. Pilih ayat-ayat yang menggunakan **perkataan bergaris** dengan betul.

- I. Mei Ling mengisi biskut raya di dalam bekas.
  - II. Beliau ialah bekas guru besar di sekolah saya.
  - III. Peristiwa sedih itu masih bekas di dalam hatinya.
  - IV. Kelihatan beberapa bekas kayu disimpan di bawah rumah datuk.
- A. I dan II
  - B. II dan III
  - C. III dan IV
  - D. I dan IV

13. Pilih ayat yang **sama maksud** dengan ayat yang diberi.

Sekiranya kita belajar besungguh-sungguh, kita akan mencapai kejayaan cemerlang.

- A. Kejayaan akan dicapai oleh sesiapa sahaja yang belajar dengan cemerlang.
- B. Kejayaan cemerlang tercapai mungkin kerana kita belajar bersungguh-sungguh.
- C. Kejayaan cemerlang akan kita capai kalau kita tidak belajar bersungguh-sungguh.
- D. Kita akan mencapai kejayaan cemerlang jika belajar dengan bersungguh-sungguh.

14. Pilih **jawapan** yang paling sesuai bagi ayat tanya yang diberi.

Berapakah harga sebuah buku cerita ini?

- A. Harga sebuah buku cerita ini ialah RM12.00.
- B. Buku cerita ini sudah diletakkan tanda harga.
- C. Buku cerita ini sesuai untuk bacaan kanak-kanak.
- D. Buku cerita ini sangat laris sejak seminggu yang lalu.

Pilih ayat **ayat tanya** yang sesuai dengan jawapan yang diberi.

15. Song Keat akan mewakili sekolah saya dalam pertandingan syarahan itu.

- A. Apakah yang pertandingan syarahan sekolah kamu?
- B. Bilakah pertandingan syarahan sekolah kamu akan diadakan?
- C. Kenapakah Song Keat mewakili sekolah kamu dalam pertandingan syarahan?
- D. Siapakah yang akan mewakili sekolah kamu dalam pertandingan syarahan itu?

**Soalan 16. Pilih ayat yang betul.**

- A. Ayah baharu pergi ke pejabat.
- B. Kami tidak bersetuju dengan pendapat Ah Seng.
- C. Kedua anak Pak Murad bekerja sebagai jurutera.
- D. Beliau sangat dihormati kerana suka menderma.

**Soalan 17 hingga 20**

*Baca petikan di bawah ini kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.*

Sejak di bangku sekolah lagi, Chee Meng bercita-cita untuk menjadi seorang doktor. Dia ingin mengikut jejak bapanya menjadi seorang doktor pakar. Dia belajar bersungguh-sungguh hingga **menara gading**. Setelah bergelar doktor, dia dihantar bertugas di Hospital Sultan Ismail.

Chee Meng seorang doktor yang berdisiplin dan bertanggungjawab. Layanan dan tutur katanya yang lemah lembut menjadikannya seorang doktor yang amat disenangi oleh para pesakit dan jururawat yang bertugas di bawahnya.

Chee Meng amat berpuas hati sekiranya para pesakit sembuh dengan segera dan mengamalkan cara hidup yang sihat. Dia selalu memberikan dorongan dan nasihat setiap kali selesai mengubati pesakitnya. Dia juga tidak lokek ilmu dan pertolongan kepada golongan yang memerlukannya.

Chee Meng amat berpuas hati dengan tugasnya seorang doktor. Dia merasakan penat lelahnya berbalas sekiranya ada pesakitnya yang memberikan ucapan terima kasih atas khidmat yang diberikan. Dia berjanji akan terus berkhidmat selagi terdaya.

17. Bilakah Chee Meng mula berminat untuk menjadi seorang doktor?

- A. Sejak di universiti.
- B. Sejak di sekolah rendah.
- C. Sejak melawat Hospital Sultan Ismail.
- D. Sejak melihat bapanya menjadi doktor pakar.

18. Maksud perkataan **menara gading** dalam petikan ialah

- A. universiti
- B. kolej perubatan
- C. bangku sekolah
- D. menara telekomunikasi

19. Apakah janji Chee Meng kepada dirinya?

- A. Dia akan terus berkhidmat selagi dia belum berkahwin.
- B. Dia akan terus berkhidmat kepada orang bawahnya.
- C. Dia akan terus berkhidmat selagi dia berupaya.
- D. Dia akan terus berkhidmat selagi ada pesakit.

20. Pilih pernyataan yang **benar** tentang petikan.

- A. Chee Meng berasa tugasnya amat membebankan.
- B. Chee Meng bertugas di Hospital Sultanah Aminah.
- C. Chee Meng tidak berpuas hati dengan tugasnya sebagai seorang doktor.
- D. Chee Meng selalu memberikan dorongan dan nasihat kepada pesakitnya.

## BAHAGIAN B

(30 MARKAH)

### Soalan 21


Garisi **kata nama am tak hidup bukan institusi** dalam ayat di bawah.

- Saya duduk di bawah pokok sambil menikmati ( bayangan , hembusan ) angin laut.
- Ayah membeli sebuah ( rumah , bangunan ) sebagai tempat tinggal kami sekeluarga.
- Nenek melemparkan ( senyuman , ketawa ) semasa melihat kami menziarahinya.
- Kakak membeli dua naskhah ( majalah , surat khabar ) Dewan Pelajar untuk dibaca.

[4 markah]

### Soalan 22

a. Tulis ayat perintah yang paling sesuai bagi perbualan di bawah.



Cikgu Tan :

---

---

Soon Keat : Baiklah, cikgu. Saya akan membersihkan papan hitam sebelum sesi pembelajaran bermula.

[2 markah]

**b. Tulis ayat tanya bagi jawapan di bawah.**

Ayat Tanya :

---

---

Jawapan : Ya, kuih bakul adalah antara hidangan istimewa pada sambutan Tahun Baharu Cina.

[2 markah]

**c. Tandakan ( ✓ ) bagi ayat yang mengandungi kata kerja tak transitif dengan betul dan ( x ) bagi ayat yang salah.**

1. Ketua kampung sedang berucap di atas pentas.

2. Murid-murid bekerjasama membersihkan kawasan sekolah yang telah diagihkan oleh guru kelas.

3. Banjir kilat telah melanda Kampung Taman Sepadu.

4. Dia berjalan pulang ke rumah sambil menyanyi.

[2 markah]

**Soalan 23**

**Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.**

Encik Asogan telah membawa keluarganya bercuti di Pulau Tioman. Pulau Tioman terletak di negeri Pahang. Encik Asogan dan keluarganya *menginap* di sebuah hotel di tepi laut. Pemandangan laut yang luas dapat dilihat dengan jelas melalui tingkap utama di hotel tempat Encik Asogan sekeluarga *menginap*.

Semasa bersarapan di kafe hotel tersebut, Encik Asogan bertanya kepada dua orang anaknya iaitu Ajay dan Jayanti tentang pencapaian akademik mereka. Ajay dan Jayanti memberitahu bahawa mereka mendapat tempat pertama di dalam kelas masing-masing. Encik Asogan bersyukur dan berasa bangga kerana dikurniakan cahaya mata yang bijak. Encik Asogan berjanji untuk memberi ganjaran kepada anak-anaknya.



a. Perkataan *menginap* bermaksud \_\_\_\_\_ .

[1 markah]

b. Ke manakah Encik Asogan membawa keluarganya bercuti?

---

---

[2 markah]

c. Apakah topik perbualan Encik Asogan sewaktu bersarapan?

---

---

[2 markah]

d. Mengapakah Encik Asogan berjanji untuk memberi ganjaran kepada anak-anaknya?

---

---

---

---

[2 markah]

## Soalan 24

Baca petikan di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

Program kemasyarakatan 1Malaysia anjuran Jabatan Penerangan Negeri Johor diadakan di Kampung Melayu, Skudai, Johor. Program yang diadakan pada 22 Januari 2018 lalu banyak memberi manfaat kepada penduduk setempat.

Kira-kira 100 orang penduduk kampung dan warga Jabatan Penerangan Negeri Johor menyertai gotong-royong membersihkan kawasan sekitar masjid Kampung Melayu bagi memastikan tempat ibadat itu bersih dan ceria.

Program kemasyarakatan 1Malaysia ialah program yang sering dianjurkan oleh Jabatan Penerangan Negeri Johor bertujuan untuk mewujudkan semangat kekitaan antara masyarakat setempat selain menzahirkan keamanan yang dikecapi negara yang bertuah ini.

a. Namakan agensi yang menganjurkan Program Kemasyarakatan 1Malaysia.

\_\_\_\_\_

[1 markah]

b. Apakah tujuan Program Kemasyarakatan 1Malaysia diadakan ?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

c. Siapakah yang terlibat dalam aktiviti gotong-royong?

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

d. Nyatakan dua nilai murni daripada program 1Malaysia ini.

\_\_\_\_\_  
\_\_\_\_\_

[2 markah]

## Soalan 25

Baca syair di bawah, kemudian jawab soalan-soalan yang berikutnya.

**PUTRAJAYA, 20 Januari** – Kisah perkahwinan antara Perumal a/l Ramasamy dengan gadis Sri Lanka telah mencipta sejarah kepada keluarga Encik Ramasamy. Beliau berbangga kerana perkahwinan anaknya telah dapat menghubungkan keluarganya di Malaysia dengan keluarga besannya di Sri Lanka. Rancangan televisyen Ikatan Kasih Keluarga (IKK) di TV6 telah menyiarkan hasil kunjungan Encik Ramasamy ke Sri Lanka baru-baru ini.

Rancangan IKK yang disiarkan oleh TV6 kini semakin diminati oleh penonton. Rancangan ini menyiarkan aktiviti ziarah anggota keluarga untuk merapatkan hubungan kekeluargaan. Stesen TV6 berhasrat untuk meneruskan rancangan ini sebagai khidmat masyarakat. Sila hubungi pegawai media kami di talian 03-12345678 atau datang sendiri ke Stesen TV6. Sila lawati portal kami di [www.ikk@tv6.com.my](http://www.ikk@tv6.com.my) untuk keterangan lanjut.

a. Apakah berita yang ingin disampaikan?

---

---

[2 markah]

b. Adakah cara Stesen TV6 ini berkesan? Mengapa?

---

---

[2 markah]

c. Padankan dengan pilihan jawapan betul atau salah.

- i. Encik Ramasamy berkahwin dengan gadis Sri Lanka.
- ii. Berita ini disiarkan pada 22 Januari.
- iii. Pegawai media boleh dihubungi melalui telefon.
- iv. Rancangan IKK sudah tidak disukai penonton.

**Betul**

**Salah**

[2 markah]

Disediakan oleh : Cik Azlinawatty Binti Daraman

Disemak oleh : Encik Lau Jen Shan

## JAWAPAN PEMAHAMAN PENILAIAN 1 TAHUN 5 (2018)

### BAHAGIAN A

- |      |       |       |       |
|------|-------|-------|-------|
| 1. D | 6. A  | 11. A | 16. B |
| 2. B | 7. C  | 12. A | 17. B |
| 3. D | 8. C  | 13. D | 18. A |
| 4. B | 9. C  | 14. A | 19. C |
| 5. C | 10. B | 15. D | 20. D |

### BAHAGIAN B

#### **Soalan 21.**

- a. hembusan      b. rumah      c. senyuman      d. majalah

#### **Soalan 22.**

- (a) Soon Keat, tolong bersihkan papan hitam sebelum sesi pembelajaran bermula.  
(b) Adakah kuih bakul antara hidangan istimewa pada sambutan Tahun Baharu Cina?  
(c) (✓) (✓) (X) (✓)

#### **Soalan 23.**

- (a) tinggal  
(b) Encik Asogan membawa keluarganya bercuti di Pulau Tioman.  
(c) Topik perbualan Encik Asogan sewaktu bersarapan adalah tentang pencapaian akademik anak-anaknya.  
(d) Encik Asogan berjanji untuk memberi ganjaran kepada anak-anaknya kerana mereka berjaya mendapat tempat pertama dalam kelas masing-masing.

#### **Soalan 24.**

- (a) Jabatan Penerangan Negeri Johor.  
(b) Program Kemasyarakatan 1Malaysia adalah bertujuan untuk mewujudkan semangat kekitaan antara masyarakat setempat selain menzahirkan keamanan yang dikecapi negara yang bertuah ini.  
(c) Penduduk kampung dan warga Jabatan Penerangan Negeri Johor.  
(d) bekerjasama / semangat bermasyarakat / menjaga kebersihan .

#### **Soalan 25.**

- (a) Berita yang ingin disampaikan ialah kisah perkahwinan Perumal a/l Ramasamy dengan gadis Sri Lanka.  
(b) Ya, kerana dapat merapatkan hubungan kekeluargaan.  
(c) Salah, salah, betul, salah.

